



EV Group dan Dymek Company Membentuk Syarikat Usaha Sama di Malaysia untuk Meningkatkan Sokongan Pelanggan Serantau – May 23, 2023

EV Group dan Dymek Company Membentuk Syarikat Usaha Sama di Malaysia untuk Meningkatkan

Sokongan Pelanggan Serantau

Oleh

Meja Berita

-

23/05/2023

ST. FLORIAN, Austria dan HONG KONG, 23 Mei 2023 /PRNewswire/ — EV Group (EVG), syarikat pembekal terkemuka bagi peralatan pengikatan wafer dan litografi untuk pasaran MEMS, nanoteknologi dan semikonduktor, dan Dymek Company, syarikat pengedar peralatan canggih untuk industri semikonduktor, bioperubatan, penyimpanan data, fotovoltaiik dan aeroangkasa, hari ini mengumumkan bahawa mereka telah menubuhkan sebuah syarikat usaha sama baharu di Malaysia.

Syarikat baharu ini yang dikenali sebagai EV Group Malaysia Dymek Sdn. Bhd. akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan operasi sokongan pelanggan EVG di Malaysia. Hermann Waltl, Pengarah Jualan Eksekutif dan Sokongan Pelanggan merangkap Ahli Lembaga Eksekutif EVG akan berkhidmat sebagai pengarah syarikat usaha sama baharu ini, manakala Sean Lim daripada Dymek akan berkhidmat sebagai pengarah urusan syarikat usaha sama baharu ini.

EV Group Malaysia Dymek terletak di 70-3-31, D'Piazza Mall, Jalan Mahsuri, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Bekerjasama rapat dengan ibu pejabat EVG, EV Group Malaysia Dymek akan bertanggungjawab untuk pelbagai aktiviti sokongan pelanggan serantau yang utama termasuk pemasangan peralatan, perkhidmatan dan sokongan teknikal, pengurusan dan bekalan alat ganti serta sokongan pembangunan proses. Syarikat ini akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai 2023.

“Malaysia telah menjadi pusat yang penting bagi pembungkusan, ujian dan pemasangan semikonduktor dan mikroelektronik selama beberapa dekad. Oleh kerana pelaburan global daripada pengeluar cip terkemuka serta syarikat pemasangan dan ujian semikonduktor penyumberan luar di rantau ini terus meningkat, adalah penting bagi EVG untuk turut mengukuhkan infrastruktur sokongan pelanggannya di sini,” kata Hermann Walth. “Dymek telah menjadi rakan kongsi strategik utama EVG di beberapa buah negara di Asia sejak bertahun-tahun lamanya, dan kami berharap agar dapat bekerjasama dengan mereka untuk turut mengukuhkan lagi khidmat sokongan pelanggan kami di Malaysia.”

“Langkah strategik daripada EV Group untuk beroperasi secara langsung di Malaysia ini akan diterima baik oleh industri semikonduktor dan mikroelektronik Asia Tenggara. Syarikat-syarikat di kawasan ini telah pun mengiktiraf EVG sebagai peneraju pasaran dan teknologi dalam peralatan proses semikonduktor dan kini, dengan mengetahui bahawa mereka akan mendapat khidmat sokongan tempatan daripada jurutera tempatan, akan meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap EVG,” kata Stanley Lam, Pengarah Urusan Asia Pasifik di Dymek Company. “Kami gembira dapat bekerjasama rapat dengan EVG untuk mengembang dan meningkatkan infrastruktur sokongan pelanggannya di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara.”

Kunjungi EVG di SEMICON Asia Tenggara

EVG ialah penaja dan penceramah program di SEMICON Asia Tenggara yang berlangsung dari 23 hingga 25 Mei di Pusat Konvensyen Setia SPICE di Pulau Pinang, Malaysia. Para hadirin yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkembangan terkini EVG dalam penyepaduan heterogen adalah dialu-alukan untuk menghadiri Forum Pembungkusan Canggih pada hari Rabu, 24 Mei jam 3:00 petang untuk melihat Dr. Thorsten Matthias, Pengarah Jualan Serantau Asia Pasifik EVG, membentangkan tentang keperluan terkini dan akan datang dalam pengikatan hibrid wafer-ke-wafer dan dai-ke-wafer.

Tentang Dymek Company

Dymek Company Ltd ditubuhkan pada tahun 1989 dan merupakan pengedar peralatan canggih kepada pengeluar dan kemudahan R&D inovatif yang terkemuka dalam industri Aeroangkasa, Bioperubatan, Semikonduktor, Penyimpanan Data dan Fotovoltaik. Pada awal tahun 2000-an, Dymek telah berkembang

dari ibu pejabat kami di Hong Kong hingga ke seluruh Asia Tenggara dan China untuk memenuhi pelbagai keperluan pelanggan kami. Dalam pasaran global hari ini, adalah menjadi kebiasaan bagi para pelanggan kami untuk mempunyai rantai bekalan bersepadu yang menghubungkan negara-negara di seluruh Asia Pasifik, dan kakitangan pakar kami bersedia untuk bertemu mereka di mana sahaja mereka berada serta menghubungkan mereka dengan peralatan terkemuka dalam industri dari seluruh dunia. Maklumat lanjut tentang Dymek boleh didapati di www.dymek.com.

Tentang EV Group (EVG)

EV Group (EVG) ialah pembekal peralatan dan penyelesaian proses terkemuka untuk pembuatan semikonduktor, sistem mikroelektromekanik (MEMO), semikonduktor campuran, peranti kuasa dan peranti nanoteknologi. Produk-produk utama termasuk pengikatan wafer, pemrosesan wafer nipis, litografi/litografi cetakan nano (NIL) dan peralatan metrologi serta penyalut rintangan fotosensitif, pembersih dan sistem pemeriksaan. Ditubuhkan pada tahun 1980, EV Group memberikan perkhidmatan dan menyokong sebilangan besar rangkaian pelanggan dan rakan kongsi global di seluruh dunia. Maklumat lanjut tentang EVG boleh didapati di www.EVGroup.com.

Hubungan Dymek: Dow Wang Pengurus Pemasaran Dymek Company Ltd Tel: +60 4 641 5536 E-mel: marketing@dymek.com	
Hubungan EV Group:	
Clemens Schütte	David Moreno
Pengarah Pemasaran dan Komunikasi	Prinsipal

EV Group	Open Sky Communications	
Telefon: +43 7712 5311 0	Telefon: +1.415.519.3915	
E-mel: Marketing@EVGroup.com	E-mel: dmoreno@openskypr.com	

<https://hteknologi.com/blog/ev-group-dan-dymek-company-membentuk-syarikat-usaha-sama-di-malaysia-untuk-meningkatkan-sokongan-pelanggan-serantau/>